

Ramli tuntutan peguam Kasitah minta maaf
Malaysiakini.com
March 28, 2007

Bekas pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Sabah, Mohd Ramli Manan telah menuntut peguam Datuk Muhd Shafee Abdullah supaya memohon maaf kepadanya. Jika tidak, beliau akan memfailkan saman fitnah terhadap peguam itu.

Pada 15 Mac lalu, Shafee memberitahu Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa "Ramli bertindak sesuka hati dan kenyataan yang dibuatnya seolah-olah dibuat oleh orang kurang siuman" berhubung komennya dalam temubual dengan Malaysiakini.

Shafee juga dilaporkan telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa dalam satu daripada artikel dalam Malaysiakini, Ramli mendakwa bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengarahkan beliau "disisihkan" berhubung penyiasatannya mengenai dakwaan aktiviti rasuah terhadap Menteri Kemajuan Tanah dan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam Kasitah.

Peguam itu juga dilaporkan berkata bahawa 'seseorang perlu menghalangnya'.

Shafee dilaporkan telah berhujah bahawa pelanggannya – Kasitah yang didakwa atas tuduhan rasuah – menganggap komen itu sangat prejudis terhadap perbicaraannya dan sedang menimbang untuk mengambil tindakan menghina mahkamah terhadap Ramli.

Dalam suratnya kepada Shafee hari ini, peguam Ramli – K Munjeet – menyifatkan kenyataan peguam itu sebagai palsu, berniat jahat dan berunsur fitnah.

"Pelanggan kami membantah keras beliau dirujuk sebagai seorang yang kurang siuman," katanya dalam salinan surat tersebut yang difakskan kepada Malaysiakini.

Di samping itu, katanya kenyataan bahawa 'seseorang mesti menghalangnya' secara tidak langsung membawa maksudkan atau sebagai jemputan terbuka kepada orang lain untuk membunuhnya.

14 hari untuk jawab

Sambil menegaskan bahawa Shafee merupakan 'punca utama' kenyataan tersebut, Manjeet berkata pelanggannya meminta peguam itu memohon maaf kepadanya serta membayar pampasan yang dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Menurutnya, saman fitnah itu akan difailkan 'tanpa notis seterusnya' jika Shafee gagal menjawab surat itu dalam tempoh 14 hari.

Kasitah, 60, didakwa menggunakan kedudukannya sebagai pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) bagi keuntungan kewangan peribadi dengan mengambil bahagian dalam keputusan meluluskan penjualan 16.8 juta saham milik lembaga itu kepada Briskmark Sdn Bhd.

Beliau juga didakwa menipu SLDB dengan menyembunyikan tawaran PPB Palms Sdn Bhd untuk memperuntukkan lima saham syarikat itu bagi satu saham Sapi Plantations dalam cadangan oleh PPB Oil Palms untuk penyenaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Shafee tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan komennya.

Ramli menjadi tumpuan apabila Gerakan Demokrasi dan Anti Korupsi (Gerak) mendedahkan laporan yang ditulisnya sebelum persaraannya yang mengandungi dakwaan rasuah dan jenayah seksual terhadap Ketua Pengarah BPR, Datuk Seri Zulkipli Mat Noor.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/65190>